

02/02/2002

Harga barang di Pasarakyat patut

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pasarakyat yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, menjadi tumpuan warga kota yang mengambil kesempatan membeli-belah pada cuti Hari Wilayah Persekutuan hari ini.

Tinjauan Berita Harian mendapati kebanyakan pembeli berpuas hati dengan barang serta harga ditawarkan di pasar berkenaan.

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Subramaniam Jaganadhan, 45, berkata bukan saja harga ditawarkan di pasar itu berpatutan, malah sesetengah barangan dijual jauh lebih murah daripada pasar lain.

"Nampaknya sayur-sayuran dan buah-buahan di sini lebih murah dan segar. Semua yang kita mahu ada dijual di sini terutama sayur-sayuran," katanya.

Suri rumah, Nor Ain Ahmad, 30, berkata kewujudan Pasarakyat memberi lebih pilihan kepada warga kota membeli keperluan harian dan tidak perlu bergantung kepada Pasar Pudu yang sentiasa penuh.

"Kini, pilihan suri rumah semakin banyak dan terpulang kepada mereka memilihnya," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini, harga ditawarkan di Pasarakyat berpatutan tetapi beliau bimbang harga itu adalah untuk sementara waktu saja.

"Saya bimbang selepas sebulan dibuka, harga barangan dinaikkan. Jika begitu, tiada bezanya Pasarakyat dengan pasar lain di Kuala Lumpur," katanya.

Kakitangan swasta, Izak Zaidin, 31, berkata seharusnya pihak pengurusan Pasarakyat memberi perkhidmatan tempat letak kereta percuma kepada orang ramai.

"Tempat letak percuma boleh menjadi daya tarikan untuk orang ramai membeli-belah di situ kerana selama ini banyak pasar tidak menyediakan tempat letak kereta sempurna selain ada mengenakan bayaran mahal," katanya.

Beliau juga menggesa lebih banyak barang dijual selain mengekalkan harga rendah, bersesuaian konsep Pasarakyat.

(END)